

Kemiskinan Adalah Salah Satu Faktor Utama Perkahwinan Kanak-kanak

OLEH WIKI IMPACT TEAM | 16 November 2020

Diterjemah oleh: [Nurul Shaeera](#)

VERSI BAHASA INGGERIS:

<https://www.wikiimpact.com/poverty-is-one-of-the-main-drivers-of-child-marriage/>

Artikel ini masih dalam proses penyiapan. Kesemua statistik dan fakta yang disebut adalah berdasarkan kajian yang sedia ada. Artikel ini akan dikemaskini dengan setiap penyelidikan yang baru.

Status semasa: Tahap 1

Tahap 1: Penyelidikan sendiri sekunder (desk research) dan pemeriksaan fakta oleh 1 individu.

Tahap 2: Pengemaskinian dengan maklumat daripada kajian sekunder yang baru dan pemeriksaan fakta oleh 2 individu.

Tahap 3: Sumbangan info daripada pengkaji akademik atau pengamal akademik dengan sumber yang boleh dipercayai.

Tahap 4: Artikel disemak semula berdasarkan dapatan kajian primer oleh Wiki Impact dan diperiksa oleh 2 individu.



Perkahwinan kanak-kanak di Malaysia dan seluruh dunia

Apakah yang anda lakukan pada hari jadi yang ke-18? Merancang sambutan dengan rakan-rakan atau mungkin percutian? Bagi majoriti kanak-kanak perempuan di seluruh dunia, ulang tahun ke-18 mereka adalah suatu peristiwa penting untuk melangkah ke alam dewasa dan semakin dekat dengan kehidupan bebas.

Malangnya, ini tidak berlaku bagi sebahagian [650 juta](#) gadis di seluruh dunia yang akhirnya berkahwin walaupun usia mereka belum mencecah 18 tahun.

Menurut UNICEF, jumlah ini [meningkat sebanyak 12 juta setiap tahun](#) kerana semakin ramai kanak-kanak berkahwin di seluruh dunia. [Hampir 30% daripada keseluruhan kes perkahwinan kanak-kanak di dunia berlaku di rantau Asia Selatan.](#)

Globally around
21% of young women
were married before
their 18th birthday.

21%



650,000,000

650 million girls and
women alive today were
married as children.



12

million girls
under 18
are married
each year.

Sumber: Unicef (2020). [Child Marriage Around the World.](#)

Di Malaysia, perkahwinan kanak-kanak sentiasa menjadi topik perbahasan yang hangat baik dari aspek agama mahupun budaya. Tanpa perlu dinafikan lagi, perkahwinan kanak-kanak bukanlah suatu isu yang kecil. Permohonan untuk melangsungkan perkahwinan kanak-kanak datang daripada kedua-dua komuniti Islam dan bukan Islam.

Dalam jangka masa 2013-2018 sahaja terdapat lebih daripada 9,500 kes yang terdiri daripada lebih [5,000](#) masyarakat Islam dan lebih [3,000](#) kes terdiri daripada keluarga bukan Islam.

Pengkategorian ini penting untuk diberi perhatian kerana perkahwinan kanak-kanak biasanya dikaitkan dengan kepercayaan agama, namun, budaya dan tradisi juga memberikan pengaruh yang kuat terhadap amalan ini.

Betapa mudahnya bagi kanak-kanak untuk berkahwin di Malaysia?

Perkara penting yang perlu diperhatikan adalah penurunan dalam bilangan perkahwinan kanak-kanak beragama Islam dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Walau bagaimanapun, terdapat [peningkatan tahunan perkahwinan bukan Islam sebanyak 20%](#).

Akta Pembaharuan Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 meletakkan umur minimum untuk perkahwinan pada 18 tahun tetapi gadis-gadis boleh berkahwin pada usia 16 tahun selepas mendapat sijil kebenaran daripada ketua menteri di negeri masing-masing.

Mana-mana individu yang berminat untuk memohon sijil kebenaran berkahwin awal hanya perlu mengemukakan permohonan di Mahkamah Syariah daerah atau Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dalam tempoh masa 21 hari hingga 3 bulan sebelum tarikh perkahwinan yang dijadualkan.

Sekiranya tidak ada bantahan oleh Ketua Menteri, maka sijil kebenaran perkahwinan pemohon akan diberikan. Semua permohonan bagi perkahwinan kanak-kanak adalah tertakluk kepada kelulusan dan [boleh dikenakan caj serendah RM10 sehingga RM20](#).

Majoriti perkahwinan kanak-kanak dipersetujui oleh semua pihak yang terlibat. Sesetengah kes melibatkan kanak-kanak yang telah menemui cinta dan ingin memberi komitmen kepada pasangan mereka tanpa perlu menunggu sehingga ulang tahun ke-18. Sesetengah permohonan pula adalah kerana ibu bapa pihak yang terlibat berasa kluatir andai anak-anak mereka mempraktikkan hubungan seksual dan terpengaruh dengan masalah sosial lain seperti penyalahgunaan alkohol, lalu menganggap perkahwinan sebagai penyelesaian yang sesuai untuk mengelakkan anak-anak mereka dari masalah.

Malah kes-kes perkahwinan kanak-kanak berprofil tinggi di mana gadis-gadis muda berkahwin dengan lelaki yang lebih tua juga dilakukan dengan persetujuan bersama. Sebagai contoh, [pengantin perempuan berusia 14 tahun](#) berkahwin dengan guru kelas agamanya pada tahun 2010. Baru-baru ini, [kanak-kanak berusia 11 tahun berkahwin](#) dengan lelaki berusia 41 tahun dari Kelantan pada tahun 2018.



Sumber: The Star (2018). [41-year-old Malaysian weds 11-year-old girl in Thailand](#)

Sudah tentu terdapat individu yang berkahwin awal untuk mengelakkan pandangan serong masyarakat. Perkahwinan juga sering dianggap sebagai jalan pintas untuk kehamilan yang tidak dirancang. Tetapi dalam beberapa keadaan yang tidak diingini, perkahwinan dilakukan untuk menutup tragedi rogol. Pada tahun 2012, [pengantin perempuan berusia 12 tahun](#) menjadi mangsa rogol berkumpulan dan berkahwin dengan perogolnya yang berusia 19 tahun empat bulan selepas jenayah itu berlaku.

Pada tahun 2013, pemilik restoran berusia 40 tahun menjadikan [seorang gadis berusia 12 tahun sebagai isteri keduanya selepas dia disabitkan kesalahan merogol](#), dengan harapan untuk mengelakkan pendakwaan. Penyatuan ini, sekali lagi, telah dibenarkan oleh bapa gadis berkenaan di Mahkamah Syariah. Bapa mangsa dilaporkan berkata, "Perkahwinan adalah perkara terbaik untuknya...Apa lagi yang boleh saya lakukan?"

Menurut statistik Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), [lapan daripada sepuluh](#) permohonan diluluskan oleh Mahkamah Syariah.

Kemungkinan bagi suatu permohonan perkahwinan untuk diluluskan masih sangat tinggi tanpa mengambil kira umur pemohon.

Pengantin kanak-kanak biasanya dibelenggu kemiskinan

Kajian telah dijalankan secara meluas sepanjang dekad yang lalu untuk mengetahui faktor-faktor di sebalik berlakunya perkahwinan kanak-kanak. Mengambil kira norma sosial dan budaya, salah satu penyebab utama perkahwinan kanak-kanak adalah kemiskinan. Biasanya, keluarga yang mengahwinkan anak mereka lebih awal sering dipengaruhi oleh faktor sosial atau ekonomi.

Bank Dunia telah mengenal pasti bahawa secara global, [kanak-kanak perempuan dengan latar belakang ekonomi yang lebih miskin](#) adalah lebih cenderung untuk berkahwin awal. Mereka yang berhadapan dengan kesulitan ekonomi mendapati bahawa mengahwinkan

anak mereka dapat meringankan beban; disebabkan kurang satu mulut untuk diberi makan.



Sumber: [Global Village Space](#) (2020)

Dalam keadaan yang melibatkan mas kahwin, umur pengantin adalah berkadar langsung dengan jumlah mas kahwin yang dibayar. Semakin muda pengantin, [semakin rendah mas kahwin](#) berkenaan. Sesetengah keluarga yang bergelut dengan kemiskinan mutlak mengahwinkan anak-anak mereka dengan harapan keluarga baharu dapat memberikan kehidupan yang lebih baik.

Satu kajian oleh UNICEF menunjukkan bahawa [kemiskinan merupakan faktor utama yang menyebabkan perkahwinan kanak-kanak](#) dalam setiap etnik. Ibu bapa dari isi rumah berpendapatan rendah memilih untuk mengahwinkan anak-anak mereka kerana tidak mampu untuk terus membiayai pendidikan anak-anak.

Perkahwinan bukan penyelesaian untuk lari dari kemiskinan

Malangnya, ramai yang masih berjuang dengan kesukaran ekonomi selepas berkahwin. Contoh-contoh ini tidak tertakluk kepada negara atau rantau tertentu kerana trend ini konsisten pada skala global. Salah [satu contoh](#) dapat dilihat melalui kajian kes yang dijalankan di negara jiran iaitu Indonesia. Jadual di bawah menunjukkan status ekonomi setiap pasangan berkahwin serta situasi hidup mereka.

Table 2
Overview of Participants

Participant	Gender	Age		Location	Place to Stay		Economy Status	Marital Status
		At present	At first marriage		House status			
LI	F	19 yo	15 yo	Indramayu	Rent house; live with her husband and children	Poor	Divorce and Remarried	
SI	F	19 yo	18 yo	Indramayu	Living with parents	Poor	Divorce	
NI	F	21 yo	18 yo	Indramayu	Living with parents	Poor	Marriage	
YJ	F	18 yo	16 yo	East Jakarta	Rent house; live with her husband and children	Poor	Marriage	
AM	F	18 yo	17 yo	Bekasi	Living with parents	Poor	Marriage	
DM	F	17 yo	16 yo	Bekasi	Living with parents	Poor	Divorce	
SM	F	15 yo	13 yo	Bekasi	Living with parents	Poor	Marriage	
HM	P	18 yo	17 yo	Bekasi	Rent house; live with her husband	Rich	Marriage	


Sumber: [Anima Indonesia Psychological Journal](#) (2018)

Berdasarkan jadual, dapat diperhatikan bahawa kemiskinan masih membelenggu golongan yang berkahwin muda. Kajian berkenaan mendapati bahawa kanak-kanak yang berkahwin muda mempunyai kemungkinan yang sangat tinggi untuk tidak meneruskan sekolah, seterusnya mengurangkan peluang mereka untuk mendapatkan pekerjaan yang baik pada masa akan datang. Sebahagian besar mereka juga tidak bebas dari segi kewangan dan masih perlu bergantung kepada

ibu bapa. Walaupun dijanjikan masa depan yang lebih baik, perkahwinan bukanlah suatu tiket keemasan.

Angka tetap di Sarawak: Sebabnya

Apabila melihat statistik di Malaysia dengan lebih dekat, Sarawak mencatatkan jumlah perkahwinan kanak-kanak yang paling tinggi di negara ini. Satu kajian pada tahun 2020 melihat punca-punca di sebalik perkahwinan kanak-kanak yang paling ketara di negeri ini.



Source: Malay Mail (2018) [Child Marriage: Why It Is Still a Problem in 2018](#)

Beberapa responden dalam kajian menyatakan bahawa mereka berhenti sekolah seawal usia 12 tahun disebabkan kekangan kewangan keluarga. Sesetengah daripada mereka berhenti secara sukarela selepas melihat kesusahan keluarga mereka, tetapi yang lain terpaksa meninggalkan alam persekolahan selepas diminta oleh ibu bapa mereka.

“Saya berhenti belajar kerana kami hanya menjalani kehidupan yang ringkas; ibu bapa saya menganggur, abang-abang saya bekerja tetapi tidak begitu kaya, jadi saya memutuskan untuk berhenti sekolah ketika saya berada dalam Tingkatan 1 (pada usia 13 tahun). Selepas saya berhenti, saya ingin meneruskan persekolahan, tetapi kemudian saya berasa kasihan dengan ibu bapa saya, jadi saya tidak meneruskan niat. Ibu bapa saya baik-baik saja dengan keputusan saya untuk berhenti sekolah; mereka tidak begitu peduli. Kemudian, perkahwinan saya dirancang oleh ibu bapa saya ketika berusia 16 tahun.”

- Calon No 13. Berkahwin pada usia 16 tahun (Melayu)



Sumber: Human Rights Watch

Responden lain menyatakan bahawa sebab utama mereka berkahwin awal adalah untuk membantu mengurangkan beban kewangan ibu bapa mereka. Logiknya adalah dengan berkahwin lebih awal, jumlah ahli dalam keluarga yang perlu dijaga oleh ibu bapa mereka akan berkurang.

“Kerana kami mempunyai kehidupan yang sukar, kami telah berkahwin dan suami akan menanggung segala-galanya. Jadi, kami berfikiran terbuka, kami tidak akan terlalu membebankan ibu bapa dengan berkahwin kerana saya ada lima adik-beradik. Oleh itu, ibu bapa saya mempunyai kurang bebanan dan boleh menghantar adik-beradik saya ke sekolah. Saya juga boleh membantu adik-beradik saya selepas berkahwin. Saya membelikan pakaian, seluar dan sedikit makanan. Pada hujung bulan, saya juga mengirinkan wang kepada mereka. Saya berkahwin dan kehidupan ibu bapa saya menjadi semakin mudah.”

-Calon No. 07. Berkahwin pada usia 14 tahun (Iban)

Malangnya, penyelesaian ekonomi jangka pendek untuk meringankan beban keluarga ini mempunyai kesan negatif jangka panjang terhadap kanak-kanak yang telah berkahwin. Perkahwinan kanak-kanak memberikan ruang untuk masalah sosial lain berakar umbi.

Kemiskinan kekal apabila kanak-kanak berkahwin



Sumber: Malaysiakini (2018). [Examining Key Drivers Of Child Marriage.](#)

“Kehidupan lebih baik” yang kerap dijanjikan hadir bersama kekurangan pendidikan, mobiliti sosial dan peluang ekonomi. Semakin lama seorang kanak-kanak berkahwin, lebih rendah peluang yang ada untuknya meneruskan pengajian.”

[Hanya 4 daripada 140 peserta](#) dalam kajian yang dijalankan oleh UNICEF kembali ke sekolah.

Secara amnya, mereka yang berkahwin muda cenderung untuk berhenti sekolah lebih awal dan secara tetap. Seterusnya, peluang mereka untuk mendapatkan pekerjaan yang lebih baik dan taraf hidup lebih tinggi melalui pendidikan yang baik akan terjejas. Hal ini memerangkap individu dalam kitaran kemiskinan.

Beberapa pengantin kanak-kanak tidak mempunyai kuasa membuat keputusan bagi isi rumah mereka sendiri, dan dalam kes-kes yang jarang berlaku di mana mereka dibenarkan bekerja, [mereka hanya mengambil bahagian dalam sektor pekerjaan rendah](#) atau perniagaan kecil-kecilan dengan kuasa pendapatan yang rendah. Wanita-wanita ini juga mempunyai kurang kawalan terhadap aset isi rumah mereka.

Kemudian, apabila pengantin muda ini menjadi ibu muda, anak-anak mereka juga akan dibesarkan dalam latar belakang berpendapatan rendah, seterusnya menurunkan kitaran kemiskinan kepada generasi akan datang.

Biarkan kanak-kanak menjadi kanak-kanak

Sejak digemparkan pada tahun 2018 oleh penyatuan seorang gadis berusia 11 tahun yang berkahwin dengan [lelaki berusia 41 tahun](#), kerajaan Malaysia telah meletakkan [pelan strategik kebangsaan](#) jangka panjang dalam menangani punca-punca perkahwinan kanak-kanak yang bakal dilaksanakan antara 2020 - 2025. Pelan ini mensasarkan setiap faktor yang berbeza dari kemiskinan untuk melonggarkan undang-undang mengenai perkahwinan kanak-kanak termasuk pengumpulan dan penyelarasan data perkahwinan yang betul. Semua negeri di Malaysia digalakkan untuk menyertai pelan ini.

Tidak terkira bilangan NGO yang berjuang untuk mengharamkan perkahwinan kanak-kanak dan meningkatkan umur minimum hingga 18 tahun, menjadikannya keperluan wajib bagi semua permohonan untuk berkahwin. Organisasi seperti '[Assosiation of Women Lawyers](#)' (AWL) berjuang melawan semua bentuk jenayah seks kanak-kanak dan mencadangkan usul untuk mengetatkan undang-undang berkaitan pada masa hadapan.



Sumber: The Star (2018). [Child Marriage Is No Happily Ever After.](#)

'Sisters of Islam' menganjurkan [forum awam](#) untuk membincangkan perkara itu dengan semua pihak bertanggungjawab, masing-masing menyuarakan kebimbangan mereka dengan kedudukan semasa Malaysia dalam menangani perkahwinan kanak-kanak.

Perdebatan tentang pelaksanaan pendidikan seksual dalam sukatan pelajaran Malaysia masih berjalan. Pendidikan seksual adalah sangat penting agar kanak-kanak mendapat kesedaran dan pendidikan umum mengenai badan mereka, seksualiti dan hak dalam persekitaran yang selamat dan dipantau seperti bilik darjah.

Mengubah kehidupan kanak-kanak

Langkah pencegahan paling penting yang boleh diambil untuk mengatasi masalah ini adalah dengan meningkatkan kesedaran tentang keburukannya. Mentaliti dan stigma masyarakat Asia perlu diubah dan perbincangan secara terbuka wajar diadakan.



Sumber: Agencia EFE (2018). [Activists deliver petition calling for end to child marriage in Malaysia.](#)

Terdapat beberapa organisasi yang melindungi hak-hak kanak-kanak secara aktif kerana kebanyakannya tidak mampu membela diri mereka sendiri. [Berikut hanyalah untuk menamakan beberapa](#) yang telah menyuarakan perkara berkenaan.

- [Sabah Women's Action-Resources Group \(SAWO\)](#)
- [PACOS Trust \(Partners of Community Organizations in Sabah\)](#)
- [Childline Malaysia](#)
- [Pasukan Pelindung WP](#)
- [Women's Aid Organisation \(WAO\)](#)
- [Association of Women Lawyers \(AWL\)](#)
- [Yayasan Chow Kit](#)
- [Educational, Welfare and Research Foundation \(EWRF\)](#)

-
- [Malaysian Advocates for Child Health \(MACH\)](#)
 - [The Fed of Reproductive Health Associations Malaysia \(FRHAM\)](#)
 - [Malaysian Child Welfare Council \(MKKM\)](#)
 - [Geutanyoe Foundation and Projek Layang Layang](#)
 - [Challenges Foundation, National Early Intervention Council \(NECIC\)](#)
 - [Voice of the Children \(VOC\)](#)
 - [Refuge for the Refugees, Malaysian Child Resource Institute \(MCRI\)](#)
 - [Reproductive Health Association Kelantan \(ReHAK\)](#)

RUJUKAN:

- Association of Women Lawyers | Malaysia. (2017, May 10). <https://www.awlmalaysia.org>
- Hakim, A. (2019). How Msia's Complex Laws Put Child Marriage Ban At A Standstill | TRP. Retrieved from: <https://www.therakyatpost.com/2019/11/21/how-msias-complex-laws-put-child-marriage-ban-at-a-standstill>
- Hin, O. K. (2017). Child Marriages in Malaysia: Reality, Resistance and Recourse.
- Hodal, K. (2013, May 22). Malaysian rape accused marries 13-year-old alleged victim | World news | The Guardian. Retrieved from: <https://www.theguardian.com/world/2013/may/22/malaysian-rapist-marries-victim-girl>
- Iustitiani, N. S. D., & Ajisuksmo, C. R. P. (2018). Supporting Factors and Consequences of Child Marriage. ANIMA Indonesian Psychological Journal, 33(2), 100. Retrieved from: <https://doi.org/10.24123/aipj.v33i2.1581>
- Kohno, A., Dahlui, M., Nik Farid, N. D., Safii, R., & Nakayama, T. (2020). Why girls get married early in Sarawak, Malaysia - An exploratory qualitative study. BMC Women's Health, 20(1), 46. Retrieved from: <https://doi.org/10.1186/s12905-020-00911-z>
- Lai, V., Sheriff, M., Bandy, S., Mohammad Jodi, S. A., & Suraidah, A. (2018). Child Marriage: Its Relationship with Religion, Culture and Patriarchy NATIONAL REPORT: Malaysia Building New Constituencies for Women's Sexual and Reproductive Health and Rights (SRHR): Religious Fundamentalism and SRHR 2. www.arrow.org.my
- Lee, S. (2018, July 1). Ban child marriage in Malaysia, NGOs tell Govt | The Star. Retrieved from: <https://www.thestar.com.my/news/nation/2018/07/01/ban-child-marriage-in-malaysia-governme-nt-urged>
- Ministry of Women Family and Community Development. (2020). National Strategy Plan In Handling The Causes Of Child Marriage. www.kpwkm.gov.my
- Mohd Awal, N. A., & Adib Samri, M. Al. (2018). Child Marriage in Malaysia. Retrieved from: www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemByCat&cat=117&bul_id=MDMxdHZjWTK1SjFzTzNkRXY
- National Registration Department Offices. (2020). Solemnization and Registration of Marriages for MyPR Holders/MyKAS Holder (Non Muslim). Retrieved from: https://www.jpn.gov.my/wp-content/uploads/bkc_MyPR%20MyKASatNRDOffices.pdf
- Parsons, J., Edmeades, J., Kes, A., Petroni, S., Sexton, M., & Wodon, Q. (2015). Economic Impacts of Child Marriage: A Review of the Literature. Review of Faith and International Affairs, 13(3), 12-22. <https://doi.org/10.1080/15570274.2015.1075757>
- Sani A, M. (2013, November 29). Married off because she was raped | Astro Awani. Retrieved from: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/married-off-because-she-was-raped-26142>

Shuaib Shu-Asward, I., & Law, R. (2010, December 12). Marriage is my right, says 14-year-old Maya | The Star. Retrieved from:

<https://www.thestar.com.my/news/nation/2010/12/12/marriage-is-my-right-says-14yearold-maya>

Tan, R. (2018, June 30). 41-year-old Malaysian weds 11-year-old girl in Thailand | The Star. Retrieved from:

<https://www.thestar.com.my/news/nation/2018/06/30/41yearold-malaysian-weds-girl-30-years-younger-in-thailand>

Tang, A. (2019, July 15). Non-Muslim child marriages on the rise | The Star. Retrieved from:

<https://www.thestar.com.my/news/nation/2019/07/15/nonmuslim-child-marriages-on-the-rise>

UNICEF. (2020, April). Child marriage. Retrieved from:

<https://data.unicef.org/topic/child-protection/child-marriage>

Wodon, Q., Male, C., Nayihouba, A., Onagoruwa, A., Savadogo, A., Yedan, A., Edmeades, J., Kes, A., John, N., Murithi, L., Steinhaus, M., Petroni, S., Nayihouba, A., Onagoruwa, A., Savadogo, A., Yedan, A., Edmeades, J., Kes, A., John, N., ... Petroni, S. (2017). Economic Impacts of Child Marriage: Global Synthesis Report. www.costsofchildmarriage.org.



ABOUT WIKI IMPACT

Wiki Impact is an open research platform for the changemaker in all of us. We are a collaborative platform to make evidence-based research readily available to changemakers to drive greater social impact in Malaysia. We believe that significant and sustainable change can happen when paired with comprehensive, clear, and compelling data.

This whitepaper was put together based on a few shorts that we have written on our website. If you have additional data related to this topic or other social issues in Malaysia, please get in touch with us. For more facts and stories, visit www.wikiimpact.com.